

Kuala Lumpur

Industri sisa plastik yang menyumbang RM30 bilion kepada negara menyebabkan ia satu perniagaan yang menguntungkan tanpa mengambil kira faktor alam sekitar dan kesihatan.

Keengganan China menerima sisa buang plastik dari negara maju atas alasan mencemarkan alam sekitar diambil peluang pemain industri tempatan untuk memfaatkannya walaupun terbukti mereka beroperasi secara haram.

Penggunaan plastik secara meluas disebabkan sifat fizikal plastik yang ringan dan tahan lama sehingga boleh mencecah 1,000 tahun untuk terurai menyebabkan lambakan sisa plastik kini bukan sahaja beban kepada Malaysia, malah di peringkat global.

Pengarah Institut Lautan dan Sains Bumi, Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Sumiani Yusoff berkata, sifat fizikal plastik itu juga menyebabkan ia tak terurai 100 peratus sebaliknya menjadi mikroplastik.

Menurutnya, kajian saintis mendapati lebih 90 peratus hidupan marin mengandungi mikroplastik sekali gus turut membahayakan manusia yang menjadikan sumber marin seperti ikan sebagai makanan.

“Berdasarkan bantahan penduduk tinggal berhampiran kilang memproses sisa plastik, kita boleh nampak kesan segera seperti masalah estetik berkaitan iaitu pencemaran disebabkan kilang yang tidak diuruskan dengan bersih dan teratur.

“Pencemaran membabitkan udara, tanah, air sungai dan laut. Aliran sisa biasanya dilepaskan ke sungai dan laut. Sebanyak 90 peratus pencemaran marin disebabkan sisa plastik.

“Jadi sisa plastik itu terurai menjadi mikroplastik dan menjadi kitaran makanan manusia seperti ikan dan hasil tangkapan laut yang lain sekali gus mendatangkan kesan buruk kepada semua manusia,” katanya.

Beliau mengulas isu Malaysia mengimport sisa plastik dan lebih intensif sejak China menghentikan import bahan berkenaan sehingga pemain industri dari Amerika Syarikat (AS) dan Eropah dikesan beralih memilih negara Asia Tenggara terutama Malaysia.

SAMPAH MAHAL

‘Tarikan’ industri RM30b

■ Syarikat tempatan ambil peluang China enggan terima sisa plastik dari negara maju



SAMPAH MAHAL

Pelabuhan Pulau Pinang sesak apabila 130 kontena sampah plastik dari China bernilai RM2.6 juta yang diharamkan memasuki negara ini tersadai sejak tahun lalu. Pengarah Kastam Pulau Pinang, Datuk Saiful Ismail mendedahkan pengimport menipu deklarasi dengan menyatakan kontena berisi plastik kitar semula dan cuba mengambil kesempatan kerana pihaknya sukar mengesan perbezaan jenis sampah tersebut. *Apex Shamsul Huda Saiful*

LAPORAN Metro Ahad, semalam.



ANTARA buku dan risalah kempen ditulis Dr Sumiani (gambar kanan) mengenai isu sampah plastik.

Dr Sumiani berkata, tidak dinafikan keengganan China mengimport sisa plastik memberikan peluang ekonomi kepada peniaga tempatan untuk merebut peluang namun negara akan kerugian besar dalam jangka panjang akibat kesan negatif industri itu.

“Pemprosesan sisa plastik perniagaan bernilai tinggi disebabkan sumbernya

yang tidak kehabisan. Ini kerana penggunaan plastik meluas dalam kehidupan untuk kegunaan pengguna. Itu saya tak nafikan.

“Umumnya sebelum kita mengimport sisa plastik secara intensif pun, Malaysia sudah terkenal sebagai satu daripada negara yang gagal menguruskan sisa plastik domestik.

“Sendiri gagal mengurus sisa dalam negara, apatah lagi apabila kita ada lambakan sisa plastik import dari negara maju yang kalau kita tengok berlaku sebelum ini disebabkan oleh begitu banyak pemberian lesen import (AP) dan permit diluluskan,” katanya.

Beliau berkata, walaupun industri itu dikatakan mendatangkan nilai RM30 bilion setahun kepada negara namun hakikatnya Malaysia akan kerugian lebih teruk khususnya aspek kesihatan dan alam sekitar yang tidak boleh dikompromi.

Menurutnya, pengusaha yang tumbuh bagaikan cendawan mengambil peluang di atas lambakan sisa plastik di pasaran global berfikir dapat menjana ekonomi tetapi sebaliknya mereka dapat bukan mudah menjalakan proses pengilangan kitar semula secara lestari dan bersih.



Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv



ISU MALAYSIA IMPORT SISA PLASTIK

Negara dan jumlah syarikat pengeksport sisa plastik ke Malaysia

Jerman	30	Australia	14
Hong Kong	27	Sepanyol	10
Singapura	26	China	9
Amerika Syarikat	23	Indonesia	6
Jepun	23	Thailand	2
United Kingdom	21	Vietnam	1

JUMLAH TAN METRIK SISA PLASTIK DIIMPORT DI MALAYSIA

2015	249,949
2016	287,689
2017	549,786
2018 (sehingga Julai)	754,707

Jumlah keseluruhan sisa sampah 1,842,132 tan metrik

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPPSN)

Fakta

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum meluluskan sebarang pemberian lesen import (AP) bagi sisa plastik kepada mana-mana syarikat sejak ia dibekukan pada Julai tahun lalu.

PROSES KITAR SEMULA SISA PLASTIK

1. Pengumpulan

Plastik terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya bekas makanan, botol minuman, balang, beg pembungkusan, plastik industri, komponen dalam kenderaan, komputer, televisyen dan pelbagai barang pengguna lain. Biasanya dikumpulkan di pusat pengumpulan plastik yang diusahakan perseorangan atau syarikat tertentu. Plastik sudah terkumpul kemudian dibungkus dan diangkut ke kilang pemprosesan plastik kitar semula. Sangat sedikit negara sedang membangun boleh mengitar semula plastik. Ini bermakna, sisa plastik adalah masalah utama kepada sesetengah negara di dunia.

2. Penyusunan

Proses kitar semula plastik bermula dengan menyusun barang plastik berlainan berdasarkan kandungan dan warna resin mereka. Proses ini juga dilakukan untuk memastikan semua bahan tercemar dihapuskan. Terdapat mesin direka khas yang membantu menyusun plastik mengikut kandungan resin mereka. Kemudian kilang kitar semula itu menyusun plastik secepat menerusi simbol di bahagian bawah plastik.

3. Pemotongan

Selepas menyusun plastik, langkah seterusnya memotong plastik menjadi potongan kecil atau kepingan. Botol dan bekas plastik menjadi kepingan kecil. Serpihan plastik yang lebih berat dan ringan dipisahkan dengan menggunakan mesin direka khas. Proses pemisahan membantu memastikan bahawa plastik yang berbeza tidak disatukan atau bercampur-campur dalam produk akhir. Jenis plastik berlainan digunakan untuk membuat barang yang berbeza.

4. Cuci

Serpihan atau potongan plastik kemudian dibasuh menggunakan pencuci khas bagi menghilangkan pencemaran yang tersisa. Sebaik saja proses pembersihan selesai, serpih bersih disalurkan melalui peralatan khusus yang seterusnya memisahkan jenis resin plastik. Serpihan plastik kemudiannya tertumpu kepada haba yang sederhana hingga kering.

5. Pencairan dan peleburan

Serpihan kering itu kemudian dicairkan dan dibentuk dengan bentuk baru atau dicairkan menjadi butir-butir plastik. Proses lebur dilakukan di bawah suhu yang dikawal selia. Terdapat peralatan khusus yang direka untuk mencairkan plastik tanpa memusnahkannya.

6. Membuat palet plastik

Kepingan plastik dimampatkan menjadi palet plastik bersaiz kecil. Dalam keadaan ini, palet plastik sedia untuk digunakan semula atau diubahsuai ke dalam produk plastik baru. Syarikat pembuatan plastik akan membeli kembali palet plastik ini untuk direka bentuk semula dan digunakan dalam membuat produk plastik yang berguna.